



Buletin

PENGURUSAN ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM

U
R
Z

EDISI PERTAMA
DISEMBER 2011

Bahagian Pengurusan
Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim

PENAUNG:

YBhg. Dato' Zoal Azha bin Yusof

PENASIHAT:

Dr. Abdul Rahim bin Hj. Nik

KETUA EDITOR:

Dr. Lian Kok Fei

SIDANG EDITORIAL:

Semua warga Bahagian
Pengurusan Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
(BPASPI)

Dari Ketua Editor...

NRE sebagai peneraju pengurusan alam sekitar yang lestari, perlu sentiasa mengambil inisiatif menyebarkan maklumat berhubung isu-isu semasa yang berkaitan. Sehubungan itu, Buletin ini merupakan salah satu usaha meningkatkan kesedaran mengenai pengurusan alam sekitar dan perubahan iklim. Buletin ini juga dapat menjadi medium perkongsian maklumat dan idea serta pandangan daripada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam mesyuarat atau perbincangan antarabangsa mengenai alam sekitar dan perubahan iklim. Sedikit sebanyak Buletin ini akan menjadi platform bagi menyalurkan perkembangan isu alam sekitar hari ini tidak kira di peringkat nasional ataupun peringkat antarabangsa.

Dr. Lian Kok Fei
SUB (PASPI)

REDUCING EMISSIONS FROM DEFORESTATION AND FOREST DEGRADATION

REDD+

Pada tahun 2007, *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) telah bersetuju bahawa mengelakkan kemusnahan hutan tropika memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan pelepasan karbon global.



Sejak daripada itu, mekanisme Pengurangan Pelepasan daripada Penebangan dan Degradasi Hutan (*Reduced Emissions from Deforestation and Forest Degradation - REDD*) telah menjadi isu yang hangat diperdebatkan di arena rundingan antarabangsa mengenai perubahan iklim.

Semasa di sesi ke-13 Persidangan Ahli (*Conference of the Parties - COP*) bagi Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (*United Nations Framework Convention on Climate Change - UNFCCC*) yang berlangsung pada bulan Disember 2007 di Bali, Gabungan Negara-negara yang mempunyai Hutan Hujan (*Coalition of Rainforest Nations*) secara rasmi telah mencadangkan supaya isu REDD dan perhutanan dimasukkan ke dalam agenda rasmi rundingan perubahan iklim menjangkau 2012, di

mana unsur-unsur utama kepada isu tersebut akan dirunding di bawah *Bali Roadmap*. Mekanisme REDD telah dicadangkan sebagai insentif kepada negara-negara membangun yang berhutan untuk melindungi, mengurus dengan lebih baik serta menggunakan sumber-sumber hutan mereka secara bijak, sekali gus menyumbang kepada usaha global untuk menentang perubahan iklim.

Konsep REDD kemudiannya telah diperluaskan kepada REDD+ untuk meliputi peranan positif hutan dalam mengurangkan kesan perubahan iklim. Selain daripada komponen penebangan dan degradasi hutan, penambahan + ini termasuk:

- peningkatan stok karbon hutan;
- pengurusan hutan yang mampan (bukan SFM);
- pemuliharaan.

Kemasukan *Plus (+)* ini membolehkan negara-negara yang mempunyai kadar penebangan hutan yang rendah dan kadar perlindungan hutan yang tinggi, seperti Malaysia, mendapat manfaat daripada mekanisme ini. Sejak tahun 2009 (COP15) dan seterusnya, agenda REDD di COP telah berkembang

dengan kadar yang mendadak. Panduan metodologi dan pendekatan penggubalan dasar untuk REDD+ telah pun dipersetujui oleh semua pihak.

Pelaksanaan REDD+ di Malaysia

Malaysia akan menggunakan pendekatan secara berperingkat, iaitu:

- Fasa persediaan
- Pelaksanaan dasar-dasar dan langkah-langkah REDD+
- Pelaksanaan skala penuh REDD+

Dalam fasa persediaan, Strategi REDD+ akan dibangunkan dengan mengambil kira komponen-komponen berikut:

- Keadaan Negara (*National Circumstances*)
- Garis Dasar Negara (*National Baselines*)
- Pemantauan, Pelaporan dan Pengesahan (*Monitoring, Reporting and Verification - MRV*)
- Struktur Institusi (*Institutional arrangements*)
- Pembiayaan Berterusan (*Sustainable financing*)
- Komunikasi

bersambung m/s 2 >>>

KANDUNGAN :

REDD+	m/s 1-2
CCLP di GK Organic farm	m/s 2
EPI	m/s 3
IAMME	m/s 4

Menarik di muka surat 2 : >>>

CCLP di GK Organic Farm!



<<< sambungan m/s 1

REDD+ telah direka bentuk supaya menjadi sebuah usaha kebangsaan di mana segala pengeluaran dan penyerapan karbon akan dilaporkan di peringkat kebangsaan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kepelbagaian keadaan yang berbeza di setiap negeri, pendekatan sub nasional boleh juga dijalankan dan kemudiannya disalurkan kepada sistem pemantauan kebangsaan. Dalam konteks ini, setiap negeri boleh membangunkan program atau strategi REDD+ mereka sendiri, namun ia harus selari dengan Strategi REDD+ Kebangsaan.

Pelaksanaan REDD+ di Malaysia perlu menangani mana-mana isu yang berikut:

- i. Mengurangkan kadar penebangan hutan;
- ii. Mengurangkan degradasi hutan yang berlaku di hutan pengeluaran tetap (tiada perubahan guna tanah berlaku);
- iii. Pengukuhan peranan pengurusan sumber-sumber hutan secara mampan;
- iv. Pengukuhan peranan pemuliharaan;
- v. Meningkatkan stok karbon melalui pemulihan dan penambahan stok.

Bagi menentukan halatuju REDD+ di Malaysia, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- Struktur Institusi (*Institutional Arrangement*) bagi pelaksanaan REDD+;

- Sistem pemantauan kebangsaan yang mantap/teguh dan telus;
- Sistem maklumat bagi perlindungan (*safeguards*) REDD+, yang akan menjaga kepentingan kepelbagaian biologi dan komuniti orang asli/tempatan;
- Pembiayaan berterusan (*sustainable financing*) termasuk mekanisme pembayaran dan sistem pengagihan faedah (*benefit distribution system*).

“...mengelakkan kemusnahan hutan tropika memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan pelepasan karbon global.”

Lawatan ke GK Organik Farm Sempena Climate Change Learning Programme (CCLP)

“Isu-isu perubahan iklim dan pemanasan global merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh manusia sejagat pada masa sekarang. Menyedari kepentingan NRE sebagai *focal point* kepada isu tersebut, Y. Bhg Dato' KSU telah mengilhamkan *Climate Change Learning Program* (CCLP) di kalangan warga NRE yang bertujuan untuk mendidik warga NRE dan jabatan di bawahnya dengan maklumat dan isu-isu semasa berkaitan perubahan iklim.

Objektif utama penganjuran CCLP adalah untuk mendidik warga NRE mengenai isu-isu semasa dan tanggungjawab warga NRE dalam sebuah organisasi, institusi kekeluargaan dan perseorangan dalam usaha menangani impak perubahan iklim. CCLP juga turut bertindak sebagai satu forum perkongsian maklumat dan pandangan mengenai isu semasa perubahan iklim.”

Pada 1 Mac 2011, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah mengaturkan satu lawatan ke GK Organik Farm di Bangi. Seramai 32 orang peserta daripada NRE dan Jabatan di bawah NRE telah menghadiri lawatan ini.

GK Organik Farm telah diusahakan bermula tahun 1994. Ladang ini terletak di kawasan yang agak terpencil dan diterajui oleh Encik Gan Koon Chai dan isterinya. Ladang organik ini mengamalkan pendekatan berbeza mengikut usia dalam usaha mendidik pelawat yang hadir. Bagi orang dewasa yang datang melawat ke ladang ini, pendekatan yang diambil adalah dengan berkongsi pengetahuan untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat, manakala bagi golongan kanak-kanak pula pendekatan yang diberikan lebih berbentuk pendidikan awal untuk menjaga bumi dan memelihara alam sekitar.

Semasa siri lawatan ini, para peserta NRE telah dibawa melawat kebun-kebun sayuran dan buah-buahan di

kawasan sekitar. Peserta juga dimaklumkan mengenai khasiat beberapa sayuran ulaman sebagai penawar kepada pelbagai penyakit seperti batuk, asma, kencing manis dan lain-lain.

Di samping itu, Encik Gan juga mendedahkan “rahsia” beliau dalam menangani serangga perosak tanpa menggunakan racun serangga. Beliau turut menunjukkan demonstrasi membuat ubat batuk daripada daun *minty basil* yang berasal dari Filipina.

Peserta juga telah didedahkan kepada konsep 6R iaitu *reduce, reuse, repair, refuse, rethink* dan *recycle*. Konsep 6R ini memastikan agar pengguna membuat pilihan dan perbelanjaan secara berhemah.

Di akhir lawatan, peserta telah dijamu dengan hidangan jamuan makan tengah hari berasaskan sayur-sayuran dan buah-buahan organik.

Siri lawatan pada kali ini telah dapat menyedarkan peserta bahawa kehidupan bumi dan ekosistemnya adalah saling bergantung antara satu sama lain. Penggunaan bahan sintetik bukan sahaja boleh merosakkan ekosistem semula jadi tetapi juga mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia.

Selain itu juga, mengusahakan sebuah ladang organik memerlukan kesabaran dan ketekunan untuk berjaya. Berbudi pada tanah bak kata orang tua memang berbaloi. Dengan usaha dan ketekunan Encik Gan mengusahakan ladang organiknya kini telah mendapat sambutan dan perhatian ramai pihak sama ada di Malaysia ataupun luar negara.



Blog Hijau untuk dikunjungi:

celsias °

celsias ° - Climate Change is Not a Spectator Sport,
celsias ° is all about doing practical things to combat climate change...

<http://www.celsias.com/>

NRE GOES GREEN GREEN TIPS

- Bawa beg sendiri untuk membeli belah;
- Berbasikal atau berjalan kaki untuk perjalanan yang dekat;
- Tutup peralatan elektrik jika tidak digunakan;
- Amalkan 3 R (mengurangkan, menggunaan semula dan mengitar semula). Kita dapat menjimatkan banyak sumber alam daripada dimusnahkan;
- Mengamalkan dan menyokong pekebunan secara organik;
- Beli barangan tempatan. Selain kita dapat menjimatkan wang, ia turut menyokong ekonomi tempatan serta mengurangkan pembebasan karbon disebabkan pengangkutan barangan jarak jauh;
- Kurangkan atau hentikan menggunakan barangan pakai buang. Ia hanya menghasilkan sisa pepejal;
- Gunakan air secara bijak kerana ia juga merupakan sumber yang semakin berkurangan.

Apa itu Indeks Prestasi Alam Sekitar?

Indeks Prestasi Alam Sekitar atau *Environmental Performance Index (EPI)* merupakan satu instrumen yang dibangunkan untuk mengukur prestasi alam sekitar berteraskan data kuantitatif dan petunjuk yang kritikal bagi membantu penggubal dasar membuat keputusan berkaitan pembangunan dan pengurusan alam sekitar.

EPI merupakan indeks berasaskan prestasi (*outcome-oriented*) yang bertujuan untuk memudahkan penggubal polisi, saintis alam sekitar serta orang awam memahaminya.

Bagaimana Indeks Prestasi Alam Sekitar dibangunkan?

EPI Global telah dibangunkan oleh sekumpulan pakar dari *Yale University (Yale Centre for Environmental Law and Policy)* dan *Columbia University (Center for International Earth Science Information Network)* dengan kerjasama Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum-WEF*).

Data-data yang digunakan dalam pembangunan EPI Global diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk

organisasi antarabangsa seperti *World Health Organization (WHO)*, *United Nations Global Environment Monitoring System (GEMS)*, agensi Kerajaan, organisasi bukan Kerajaan (NGOs) dan akademia.

Nilai kuantitatif EPI dibentuk melalui penilaian seimbang terhadap dua matlamat utama iaitu kesihatan alam sekitar dan daya tahan ekosistem dengan 25 petunjuk yang terangkum di bawah 10 kategori polisi alam sekitar seperti berikut:

- kesan alam sekitar terhadap kesihatan umum;
- air (impak terhadap manusia);
- pencemaran udara (impak terhadap manusia);
- pencemaran udara (impak terhadap ekosistem);
- air (impak terhadap ekosistem);
- kepelbagaian biologi dan habitat;
- perhutanan;
- perikanan;
- pertanian;
- perubahan iklim.

Kedudukan Malaysia dalam EPI Global

EPI diterbitkan setiap dua tahun dan laporan pertamanya telah diterbitkan pada tahun 2006. Sehingga kini tiga laporan telah diterbitkan. Pencapaian Malaysia dalam

kedudukan EPI global telah menampakkan penurunan. **Jadual 1** menunjukkan pencapaian Malaysia dalam EPI global.

“Kedudukan yang baik dalam EPI Global adalah satu kelebihan kepada sesebuah negara kerana ia menggambarkan komitmen negara tersebut dalam memastikan kelestarian dan pengurusan sumber alam yang baik...”

Kepentingan Kedudukan Negara dalam EPI Global

Kedudukan yang baik dalam EPI Global adalah satu kelebihan kepada sesebuah negara kerana ia menggambarkan komitmen negara tersebut dalam memastikan kelestarian dan pengurusan sumber alam yang baik selaras dengan pembangunan ekonomi yang mapan. Ini akan dapat memberi imej yang baik kepada pelabur asing yang ingin melabur di negara kita dan secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur dalam negara kita.

Tahun	Bil. Negara yang Dinilai	Kedudukan Malaysia	Skor
2006	133	9	83.3
2008	149	26	84
2010	163	54	65

Jadual 1: Pencapaian Malaysia dalam EPI Global

3th Informal Asean Ministerial Meeting on Environment (IAMME) And Related Meetings, Phnom Penh, Kemboja

Mesyuarat Tidak Formal Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (*Informal ASEAN Ministerial Meeting on Environment-IAMME*) diadakan pada setiap tahun dan melibatkan beberapa mesyuarat berkaitan yang diadakan secara berturutan (*back-to-back*). Menteri-Menteri Alam Sekitar daripada 10 negara ASEAN yang hadir akan membincangkan isu-isu alam sekitar yang memerlukan penglibatan dan komitmen setiap negara anggota. Tujuan mesyuarat ialah untuk mendapatkan ketetapan peringkat Menteri ke atas projek, aktiviti dan isu-isu yang telah dibincangkan dalam mesyuarat peringkat Pegawai Kanan sebelum ini.

Mesyuarat Ke-13 IAMME telah diadakan pada 16-20 Oktober 2011 di Phnom Penh, Kemboja. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Menteri Alam Sekitar dan Pegawai Kanan daripada 10 buah negara ASEAN. Sekretariat ASEAN telah bertindak sebagai urus setia semasa mesyuarat. Mesyuarat di Phnom Penh melibatkan lapan mesyuarat seperti berikut:

- *Senior Officials Meeting for 13th IAMME*;
- *7th Meeting of the Committee under the Conference of the Parties to the Agreement on Transboundary Haze Pollution (COM-7)*;
- *7th Meeting of the Conference of the Parties to the Agreement on Transboundary Haze Pollution (COP-7)*;
- *13th Informal ASEAN Ministerial Meeting on the Environment*;
- *10th ASEAN Plus Three Environment Ministers Meeting (EMM)*;
- *ASEAN ESD Film Festival*;
- *ASEAN - India Officials Meeting on ASEAN - India Green Fund*;
- *Ministerial Roundtable Discussion on UNCSD (RIO+20)*.

Mesyuarat IAMME ke-13 telah membincangkan isu berikut:

- Perubahan Iklim dan Pemanasan Global yang membincangkan Kenyataan Pemimpin ASEAN mengenai Respons Bersepadu Perubahan Iklim dan Inisiatif ASEAN mengenai Perubahan Iklim;
- Pemuliharaan Alam Sekitar dan Kepelbagaian Biologi yang membincangkan Penubuhan dan Pengoperasian Pusat Kepelbagaian Biologi ASEAN;
- Perundangan dan Pengurusan Alam

Sekitar Bandar yang membincangkan Kemajuan Pelaksanaan Inisiatif ASEAN Mengenai Bandar Lestari;

- Alam Sekitar Marin dan Pantai yang membincangkan kemajuan kerjasama berkaitan marin dan pantai;
- Pengurusan sumber air yang membincangkan kemajuan pelaksanaan ASEAN *Strategic Plan of Action on Water Resources Management (ASPA-WRM)*;
- Pendidikan Alam Sekitar yang akan bincangkan Pelaksanaan Pelan Tindakan Pendidikan Alam Sekitar ASEAN bagi Tahun 2008-2012;
- Isu-isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN di Brunei pada 12-16 September 2011;
- ASEAN *Environment Year 2012*.

Beberapa ketetapan telah dibuat di mesyuarat-mesyuarat yang diadakan, antaranya:

COP-7

Menteri-Menteri dan wakil mengambil maklum akan laporan ASEAN *Specialised Meteorological Centre* mengenai musim hujan yang akan berlarutan sehingga November 2011. Ini akan mengurangkan bilangan titik panas di rantau ASEAN. Walau bagaimanapun negara anggota ASEAN bersetuju untuk terus mengambil langkah-langkah berjaga-jaga dan terus memantau kejadian kebakaran hutan yang boleh menyebabkan jerebu merentas sempadan.

Mesyuarat juga mengambil maklum akan sumbangan negara anggota ASEAN yang telah menyumbang kepada Tabung Amanah ASEAN *Transboundary Haze Pollution Control Fund*. Malaysia telah menyeru kepada negara yang belum menyumbang sejumlah USD50,000 supaya segera membuat sumbangan.

ASEAN Water Data Management Reporting System Design

Malaysia sedang melaksanakan pengumpulan data untuk ASEAN *Water Data Management and Reporting System Design*. Setakat ini Cambodia dan Philippines masih belum mengemukakan input dan Malaysia telah meminta kedua-dua negara supaya mengemukakan input sebelum akhir tahun.

Environment Education

Malaysia sedang membangunkan draf polisi kebangsaan mengenai pendidikan alam sekitar dan kriteria sekolah lestari bagi ASEAN. Cambodia, Lao PDR, Indonesia, Myanmar, dan Viet Nam masih belum memberi input dan Malaysia meminta negara terlibat mengemukakan sebelum akhir tahun ini.

ASEAN Environment Year 2012 (AEY)

Malaysia akan menjadi tuan rumah majlis pelancaran AEY 2012 dan tarikh yang dicadangkan ialah pertengahan Julai 2012. Majlis penganugerahan Anugerah Sekolah Lestari ASEAN akan diadakan sempena pelancaran tersebut. Slogan yang dicadangkan ialah "*Environmental Awareness Through Eco - Schools*".

ASEAN - India Green Fund

Malaysia telah mengemukakan *concept note* untuk memohon pembiayaan daripada dana tersebut untuk projek bertajuk *Enhancing Local level Adaptation Climate Change in S.E. Asia*.

Tindakan yang diperlukan oleh Bahagian/Jabatan/Kementerian

Malaysia telah sekali lagi menawarkan bantuan kepada Indonesia dalam menangani masalah kebakaran hutan yang menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan. Malaysia akan terus meningkatkan kerjasama dua hala Malaysia-Indonesia dan masih menunggu Indonesia mengemukakan cadangan bidang baru yang boleh diterokai oleh kedua-dua Negara. Mesyuarat dengan rakan kongsi ASEAN iaitu China, Jepun dan Republic Korea telah diadakan pada 19 Oktober 2011. Menteri-Menteri dan pegawai ASEAN yang hadir telah bertukar-tukar pendapat mengenai isu alam sekitar global, aktiviti serta program yang boleh dilaksanakan bersama. Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN akan bertemu semula pada Mesyuarat Formal Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN ke-12 (AMME) di Thailand pada September 2012.



Delegasi Malaysia Bersama Pegawai Perhubungan Jabatan Alam Sekitar Kemboja